

Perbelanjaan Isi Rumah 2014

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Malaysia menyasarkan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Mengikut definisi Bank Dunia, negara berpendapatan tinggi adalah terdiri dari ekonomi yang mempunyai pendapatan negara kasar (GNI) per kapita melebihi 12,475 dolar Amerika (USD) pada tahun 2015. Pada tahun 2020 nilai GNI per kapita untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dianggarkan USD15,000. Nilai GNI per kapita Malaysia pada tahun 2015 adalah USD10,570. Adakah Malaysia mampu mencapai sasaran ini pada tahun 2020?

Persoalan pencapaian taraf negara berpendapatan tinggi mengikut definisi tersebut mungkin tidak sepenting apakah manfaat negara berpendapatan tinggi kepada rakyat jelata. Istilah negara berpendapatan tinggi sering digunakan bersilih ganti dengan negara maju. Namun lebih tepat lagi sebenarnya negara berpendapatan tinggi adalah merupakan salah satu dari kriteria untuk mencapai tahap negara maju. Dengan kata lain, terdapat lain-lain kriteria di samping pendapatan yang tinggi untuk melayakkan sesebuah negara mencapai status sebagai negara maju.

Pada dasarnya, pencapaian status sebuah negara maju mestilah diterjemahkan kepada peningkatan kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan mempunyai makna yang lebih luas dari penumpuan kepada peningkatan pendapatan semata-mata. Ianya termasuk lain-lain pencapaian seperti tahap kesihatan dan pendidikan, kemudahan infrastruktur dan sebagainya yakni lebih tertumpu kepada pembangunan sosioekonomi. Secara ringkasnya, peningkatan kesejahteraan bolehlah dirumuskan kepada kemampuan rakyat yang berpendapatan tinggi untuk membeli bukan sahaja barangan peribadi tetapi juga barangan awam.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Faktor utama yang menentukan kemampuan untuk membeli barangan peribadi sudah tentu pendapatan individu. Jadi sudah tentu rakyat sebuah negara maju mestilah mempunyai pendapatan yang tinggi. Manakala barangan awam semestinya disediakan oleh kerajaan secara percuma. Jadi faktor utama untuk mengukur tahap pencapaian kemudahan awam adalah penawarannya. Sebagai sebuah negara maju, semestinya mempunyai penawaran kemudahan awam yang bukan sahaja mencukupi tetapi berkualiti mengikut penanda aras antarabangsa.

Untuk mengukur kesejahteraan rakyat jelata, secara umumnya peningkatan pendapatan individu perlu dilihat bersama dengan penawaran barangan awam. Peningkatan pendapatan benar individu, yakni setelah diambil kira faktor inflasi, mestilah mampu membeli barangan dan perkhidmatan yang sekurang-kurangnya sama dari segi kuantiti dan kualitinya. Begitu juga penawaran barangan awam oleh kerajaan mestilah bertambah dari segi kualiti dan kuantitinya.

Di sini perlu ada keseimbangan di antara pendapatan individu dan penawaran barangan awam. Peningkatan pendapatan individu yang rendah mungkin boleh diseimbangkan dengan peningkatan penawaran barangan awam oleh kerajaan, dan sebaliknya. Misalnya, ada negara maju yang menyediakan kemudahan awam secara percuma atau murah seperti pendidikan, kesihatan, lebuhraya dan sebagainya. Maka ini diterjemahkan kepada kemampuan membeli yang tinggi kepada rakyat walaupun dengan peningkatan pendapatan yang sederhana.

Pendapatan purata benar isi rumah berdasarkan harga 2010 telah tumbuh pada kadar 3.8 peratus setahun untuk jangka masa 2004-2014. Di mana pendapatan purata benar isi rumah pada tahun 2004 adalah RM3,815 sebulan berbanding dengan RM5,557 sebulan pada tahun 2014. Manakala, perbelanjaan purata benar isi rumah juga berdasarkan harga 2010 telah tumbuh dengan kadar yang lebih perlahan untuk tempoh yang sama. Perbelanjaan purata benar isi rumah pada tahun 2004 adalah RM2,292 sebulan berbanding dengan RM3,238 sebulan untuk tahun 2014, yakni pertumbuhan sebanyak 3.5 peratus setahun.

Berdasarkan senario di atas, mungkin pendapatan isi rumah perlu ditingkatkan lagi untuk meningkatkan taraf hidup purata isi rumah. Jika tidak berkemungkinan ramai

yang berada di dalam keadaan *status quo*. Di mana peningkatan pendapatan cuma cukup untuk menampung keperluan peningkatan perbelanjaan. Justeru, peningkatan pendapatan tidak memberi banyak makna kepada golongan seperti ini, kecuali dengan peningkatan penawaran barangan awam yang ketara.

Jika dikaji dengan lebih terperinci, pendapatan purata benar isi rumah pada tahun 2009 adalah RM4,095 sebulan berdasarkan harga 2010. Manakala, perbelanjaan purata benar isi rumah pada tahun 2009 pula adalah RM2,228 sebulan. Ini bermakna pendapatan purata benar isi rumah telah tumbuh pada kadar 6.3 peratus di antara tahun 2009 dan 2014. Namun demikian, perbelanjaan purata benar isi rumah telah tumbuh dengan kadar yang lebih laju, 7.8 peratus setahun untuk tempoh yang sama.

Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang lebih laju berbanding dengan pendapatan isi rumah sejak lima tahun kebelakangan ini mempunyai implikasi yang penting. Keadaan ini diterjemahkan kepada persepsi umum tentang peningkatan kos sara hidup sejak kebelakangan ini. Sudah tentu pembetulan jangka panjang adalah melalui peningkatan pendapatan. Namun ianya mesti selari dengan peningkatan produktiviti.

Penyelesaian jangka pendek adalah dengan memanipulasikan struktur perbelanjaan isi rumah. Berdasarkan “Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2014” oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dua kumpulan barangan utama yang mengalami peningkatan peratusan perbelanjaan isi rumah adalah kumpulan “perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain” dan kumpulan “restoran dan hotel”. Pada tahun 2014, dua kumpulan perbelanjaan ini meliputi 23.9 peratus dan 12.7 peratus, masing-masing. Kumpulan perbelanjaan pertama lebih merupakan keperluan, manakala kumpulan “restoran dan hotel” lebih kepada perubahan cara hidup.

Suatu langkah pragmatik perlu diambil untuk mengurangkan peratusan perbelanjaan isi rumah untuk kumpulan barangan “perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain”. Dengan pengurangan perbelanjaan untuk kumpulan barangan ini, sudah tentu pendapatan boleh guna isi rumah akan meningkat dan pada masa yang sama bebanan terhadap peningkatan kos sara hidup dapat dikurangkan. Peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah juga mampu menjana pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan permintaan domestik.